

PANDUAN CBP KE ATAS PERKHIDMATAN
PERAMANAHAN DAN PERWARISAN
(SEHINGGA 30102013)



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN**

**PANDUAN KE ATAS
PERKHIDMATAN PEMEGANG AMANAH**

**Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah
Deraf pada 30102013)**

KANDUGAN

PENDAHULUAN.....	1
CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN SECARA UMUM (CBP)	1
LAYANAN CBP KE ATAS PERKHIDMATAN PERAMANAHAN DAN PERWARISAN.....	2
Perkhidmatan Pemegang Amanah Awam.....	2
Perkhidmatan Pemegang Amanah korporat	2
Perkhidmatan Penama.....	5
Perkhidmatan Pemegang Amanah Islam	5
Perancang Harta Pusaka Islam.....	9
Mendapatkan Semula Cukai Input.....	10
SOALAN LAZIM.....	10
MAKLUMBALAS DAN KOMEN.....	13
MAKLUMAT LANJUT DAN BANTUAN.....	13

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah Deraf pada 30102013)

PENDAHULUAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya terhadap industri perkhidmatan Peramanahan dan Perwarisan.

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN SECARA UMUM (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) juga dikenali sebagai Cukai Nilai Tambah di sesetengah negara. CBP merupakan cukai berperingkat yang dikenakan ke atas penggunaan terakhir domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan dan barang dan perkhidmatan bercukai di dalam Malaysia melainkan ianya dikecualikan secara spesifik. CBP juga dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang di import ke Malaysia. Bayaran cukai dibuat di semua peringkat oleh perantara dalam proses pembuatan dan pemasaran. Walaupun cukai akan dibayar di kesemua rantaian pembuatan dan pemasaran, namun pada akhirnya ia akan di tanggung oleh pengguna akhir. Oleh yang demikian, cukai tersebut bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan didalam penyata kewangan metreka.

3. Orang yang berdaftar di bawah CBP adalah dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas output pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai yang di bekalkan kepada pengguna. Mereka dibenarkan membuat tuntutan kredit ke atas apa-apa CBP yang telah di bayar (cukai input) ke atas segala pembelian yang merupakan input kepada perniagaannya. Pelanggannya juga dibenarkan menuntut kredit CBP yang dibayar ke atas inputnya sekiranya mereka juga terlibat di dalam perniagaan membekal barang dan perkhidmatan bercukai. Dengan demikian cukai berganda dapat dielakkan dan cukai dikenakan hanya pada setiap peringkat nilai tambah sahaja.

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah Deraf pada 30102013)

LAYANAN CBP KE ATAS PERKHIDMATAN PEMEGANG AMANAH

4. Perkhidmatan Pemegang Amanah boleh diklasifikasikan kepada: Perkhidmatan Pemegang Amanah Awam dan Perkhidmatan Pemegang Amanah Swasta.

Perkhidmatan Pemegang Amanah Awam

5. Pemegang Amanah Awam adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk membantu menguruskan harta peninggalan si mati dan juga sebagai pemegang amanah penjaga. Pemegang Amanah Awam dilantik melalui wasiat atau penyelesaian amanah. Di Malaysia, Amanah Raya Berhad (ARB) adalah Pemegang Amanah Awam. Di bawah CBP, perkhidmatan Pemegang Amanah Awam adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan Pemegang Amanah Swasta

6. Perkhidmatan Pemegang Amanah Swasta terdiri daripada: Perkhidmatan individu dan Perkhidmatan Institusi

(a) Perkhidmatan individu

(i) Pengurusan Estet dan Harta Pusaka

Pemegang amanah menyediakan khidmat nasihat semasa membuat pengurusan bagi perlindungan, pemeliharaan dan peruntukan jumlah aset seseorang melalui pegangan pemakaian kaedah perancangan harta.

(ii) Perkhidmatan Perancangan Harta Pusaka

Perancangan estet sebenarnya adalah mengenai pemberian kuasa untuk menguruskan estet dan pengagihan aset si

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah Deraf pada 30102013)

mati. Komponen perancangan estet termasuk perkhidmatan penulisan wasiat, perkhidmatan jagaan dan perkhidmatan wasi.

- **Perkhidmatan penulisan wasiat**

Wasiat adalah dokumen perundangan bertulis yang ditandatangani oleh pewasiat dengan kehadiran saksi dan berkuat kuasa hanya selepas kematian pewasiat. Di bawah CBP, perkhidmatan penulisan wasiat adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Pemegang amanah boleh melantik ejen untuk penulisan wasiat. Ejen dibayar komisen bagi perkhidmatan yang diberikan. Ejen dikehendakki untuk mengenakan CBP pada komisen mereka pada kadar standard.

- **Perkhidmatan penjagaan**

Pemegang amanah juga menyediakan khidmat penjagaan bagi penyimpanan wasiat. Khidmat penjagaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

- **Perkhidmatan Pelaksanaan Wasiat (wasi)**

Wasi mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan pentadbiran harta pusaka selepas pemberian probet diperolehi.

Perkhidmatan wasi adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah Deraf pada 30102013)

Perkhidmatan pemegang amanah termasuk permohonan bagi pemberian probet dan yuran pemprosesan dikenakan kepada benefisiari. Yuran pemprosesan untuk probet adalah dikenakan cukai pada kadar standard.

Pewasiat boleh melantik sebuah perbadanan amanah sebagai wasi bagi wasiat dan perbadanan amanah akan mengenakan bayaran penerimaan untuk perkhidmatan mereka dari satu hingga dua peratus nilai aset setahun. Yuran penerimaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard tanpa mengira sama ada ia adalah amanah Islam atau konvensional.

(iii) Pengurusan Amanah

Pengurusan amanah menguruskan harta yang diamanahkan oleh penderma bagi kegunaan masa depan benefisiari. Ia juga memastikan bahawa pengurusan aset dilakukan mengikut mandat seperti yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah. Bagi maksud CBP, perkhidmatan pengurusan amanah adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Pengeluaran wang tunai yang didepositkan ke dalam akaun amanah oleh penderma adalah tertakluk kepada yuran pengeluaran. Yuran Pengeluaran adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Walau bagaimanapun, dividen yang dibayar atas wang yang dilaburkan dalam akaun amanah tidak tertakluk kepada CBP.

(b) Perkhidmatan Institusi

Untuk memastikan perlindungan pelabur dan orang awam secara umum, pemegang amanah profesional dilantik dalam pelbagai skim yang bersifat komersial seperti Unit Amanah, Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT), Sekuriti Hutang Persendirian, Dana Terikat, Skim Perkongsian Masa, Kelab / Persatuan, Persaraan dan Dana Pekerja. Yuran pemegang amanah tahunan dicaj kepada dana. Dibawah CBP, khidmat pemegang amanah adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan Penama

7. Pemegang amanah juga menyediakan perkhidmatan penama kepada pelanggan dan bertindak sebagai penama, ejen atau pemegang amanah kepada benefisiari. Perkhidmatan penama adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan Pemegang Amanah Islam

(a) Amanah dan Pemegang Amanah

Dalam Islam, pemegang amanah ialah orang, badan atau perbadanan yang akan bertanggungjawab ke atas aset yang diamanahkan dengan pengurusan yang jujur. Perkhidmatan pemegang amanah Islam adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(b) Amanah Islam

Terdapat tiga jenis amanah Islam:

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah (Deraf pada 30102013)


(i) Hibah

Hibah adalah pemberian secara sukarela atau pemindahan hak milik atau pemberian aset yang dibuat tanpa apa-apa balasan berharga atau syarat dari penderma kepada penerima. Aset akan dipegang dengan amanah oleh pemegang amanah.

Apabila orang kena cukai menderma aset kepada orang lain ia adalah satu pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Walau bagaimanapun, jika seseorang individu yang tidak berdaftar di bawah CBP menderma aset kepada orang lain, ia merupakan bukan pembekalan bercukai dan oleh itu tidak tertakluk kepada CBP. **Rajah A** di bawah menunjukkan struktur hibah amanah melibatkan sunnah dan peringkat kontrak.

RAJAH A: Struktur Amanah Hibah

Peringkat 1




Pada peringkat ini, hibah merupakan sesuatu lafadz atau perbuatan yang bermaksud memberi dan menerima hibah sama ada secara lisan atau dalam apa-apa cara yang membawa erti menghadiahkan pemilikan harta tanpa pembayaran. Jika Penderma A, seorang berdaftar

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah (Deraf pada 30102013)

memindahkan aset bernilai RM5, 000 kepada penerima B, ia adalah pembekalan bercukai dan A perlu mengakaun CBP. Walau bagaimanapun, jika A, seorang individu mendermakan aset bernilai RM5, 000 kepada Penerima B, dia tidak bertanggungan untuk mengenakan CBP kerana dia tidak didaftarkan. Sila rujuk kepada **Rajah B** berikut:

RAJAH B: Struktur Amanah Hibah Peringkat 2



Pada peringkat kontrak, Penderma akan mengamanahkan pemegang amanah untuk memelihara, mengurus dan akhirnya mengagihkan aset untuk manfaat Penerima.

Perkhidmatan pemegang amanah adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(ii) Hadiah


Amanah hadiah adalah secara sukarela, tidak boleh dibubarkan balik dan terpakai kepada pemindahan semua aset tanpa apa-apa balasan berharga. Ia adalah satu amanah intervivos dan mesti diterima oleh penerima. Pemindahan aset sebagai hadiah oleh orang kena cukai

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah (Deraf pada 30102013)

adalah tertakluk kepada CBP jika nilai melebihi RM500.

Rajah C di bawah menunjukkan amanah hadiah.

RAJAH A: Struktur Amanah Hadiah



Dalam kes ini, penderma mewujudkan amanah tidak boleh ditarik balik di bawah prinsip hadiah pada jumlah yang disebut dan akan melantik seorang pemegang amanah bagi jumlah deposit yang akan dipegang di bawah amanah untuk manfaat benefisiari. Perkhidmatan pemegang amanah adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(iii) Waqaf

Pada dasarnya dari segi ugama Islam, Waqaf adalah suatu pemberian harta untuk tujuan kebajikan dan dapat mendatangkan hasil dan ditadbir mengikut undang-undang Islam.

Definisi Waqaf dari segi undang-undang mengandungi dua syarat. Syarat pertama adalah dimana seseorang menyerahkan hak hartanya untuk dimanfaatkan oleh orang awam dan menghalang dimiliki semula oleh mana-mana

Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah Deraf pada 30102013)

pihak. Syarat kedua kurniaan ini kekal untuk selama lamanya. Perkhidmatan pengurusan dalam menjana hasil daripada aset yang didermakan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

(iv) Waqaf melalui Pemegang Amanah

Penderma atau *settlor* melantik pemegang amanah melalui Surat Ikatan Amanah untuk menubuhkan sebuah tabung amanah bagi manfaat benefisiari yang sebenarnya di akhirnya untuk diberikan.. Apabila Penderma, orang kena cukai, memberikan aset, ia adalah pembekalan bercukai dan oleh itu adalah tertakluk kepada CBP. Perkhidmatan pemegang amanah adalah juga tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perancang Harta Pusaka Islam

a) Perkhidmatan Penulisan Wasiyah and Penjagaan Wasiyah

Wasiyah merupakan dokumen undang-undang yang menerangkan bagaimana seseorang mahukan aset mereka diagihkan selepas kematian. Seperti penulisan wasiat, perkhidmatan penulisan wasiyah adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Wasiyah boleh ditulis dan disimpan dengan pemegang amanah. Perkhidmatan Penjagaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

a) Pelaksana Wasiat(Wasi)

Wasi daripada wasiyah adalah pengurus estet yang dilantik oleh pewasiat (musi). Musi boleh melantik pemegang amanah sebagai wasi bagi wasiyah. Perkhidmatan wasi adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Mendapatkan Semula Cukai Input

8. Memandangkan perkhidmatan pemegang amanah adalah pembekalan berkadar standard apa-apa cukai input yang ditanggung dalam memberikan perkhidmatan boleh dituntut.

SOALAN LAZIM

9. Masa Bekalan

Q1: Setelah menandatangani perjanjian dengan pemegang amanah, sebuah institusi perlu membayar bayaran pendahuluan sebanyak 30% daripada yuran perundingan bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang amanah. Bilakah CBP perlu dibayar bagi pra-bayaran yuran perundingan?

A1: Untuk pra-bayaran yuran perundingan, CBP adalah genap dibayar mengikut mana-mana yang berlaku terdahulu iaitu tarikh invois cukai dikeluarkan atau tarikh apabila pembayaran diterima semasa tempoh bercukai walaupun perkhidmatan amanah belum diberikan lagi.

10. Perkhidmatan antara syarikat

Q1: Sebagai pemegang amanah, saya disumberkeluarkan kepada syarikat subsidiari saya untuk menguruskan aktiviti pelaburan

dana. Apakah layanan CBP pada perkhidmatan pengurusan yang dibekalkan oleh anak syarikat saya?

- A1:** Syarikat subsidiari adalah diperlukan untuk mengenakan CBP ke atas perkhidmatan pengurusan pada kadar standard untuk dana.
- Q2:** **Anak syarikat saya memerlukan sokongan Teknologi Maklumat (IT) dari syarikat pemegang amanah saya. Apakah layanan CBP pada perkhidmatan IT yang dibekalkan oleh syarikat pemegang amanah saya?**
- A2:** Syarikat pemegang amanah anda dikehendaki untuk mengenakan CBP ke atas perkhidmatan IT. Jika syarikat pemegang amanah adalah ahli yang diluluskan di bawah pendaftaran berkumpulan CBP, perkhidmatan yang diberikan tidak akan diambil kira dan tiada CBP dikenakan pada perkhidmatan IT yang dibekalkan.

11. Pemegang amanah bagi kumpulan wang bersama

- Q1:** **Semua wang yang diterima daripada estet, amanah atau kuasa wakil menjadi sebahagian daripada Dana Bersama Pemegang Amanah Awam. Pemegang Amanah mengenakan yuran pengurusan kepada dana ini untuk mentadbir dan mengurus dana. Adakah yuran pengurusan dan pemegang amanah dicaj kepada dana bersama tertakluk kepada CBP?**

- A1:** Mana-mana yuran pengurusan dan pemegang amanah dicaj kepada dana bersama adalah tertakluk kepada CBP.

12. Kredit Cukai Input

- Q1:** **Sebagai amanah, saya menanggung CBP pada perkhidmatan pemegang amanah, perkhidmatan pengurusan dan komisen.**

Bolehkah saya menuntut cukai input diatas CBP yang ditanggung?

- A1:** Tidak, anda tidak berhak untuk menuntut CBP yang ditanggung atas input. Sesuatu amanah dianggap sebagai orang yang berbeza daripada pemegang amanah. Jika amanah itu membuat pembekalan bercukai pembekalan misalannya sewa bangunan maka amanah itu boleh menuntut cukai input ke atas CBP yang dibayar ke atas input. Walau bagaimanapun, jika amanah itu membuat pembekalan dikecualikan contohnya pelaburan ia tidak berhak untuk menuntut apa-apa kredit cukai input.

13. Hadiah Percuma dan penajaan kepada Pelanggan

- Q1:** **Pemegang Amanah boleh memberikan hadiah percuma kepada pelanggan untuk membuka akaun amanah. Apakah layanan CBP pada hadiah percuma yang diberikan kepada pelanggan?**

- A1:** Hadiah percuma yang diberikan kepada pelanggan adalah terhad kepada RM500 seorang setahun dan tidak tertakluk kepada CBP. Hadiah melebihi RM500 tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

- Q2:** **Sebuah syarikat pemegang amanah menaja hamper untuk majlis makan malam tahunan atau hari keluarga untuk . Apakah layanan CBP keatas penajaan barang?**

- A2:** Penajaan barang yang mempunyai logo syarikat ke atas barang adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sebaliknya, penajaan dalam bentuk wang tidak tertakluk kepada CBP.

**Panduan Ke Atas Perkhidmatan Pemegang Amanah
Deraf pada 30102013)**

MAKLUMAT LANJUT

14. Maklumbalasatau pandangan amatlah dihargai. Maklumbalas dan pandangan anda boleh email kepada Mohd Hisham B.Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my) or Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

MAKLUMAT DAN KETERANGAN LANJUT :

15. Keterangan lanjut boleh didapati dari:

- (a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam :
 - Tel: : 03- 7806 7200/ 1-300-888-500
 - Fax : 03- 7806 7599
 - Emel : ccc@customs.gov.my